

# PM ucap tahniah kepada Presiden baharu Sri Lanka

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Anura Kumara Dissanayake atas pemilihannya sebagai Presiden baharu Sri Lanka.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berbesar hati untuk terus memperkukuhkan hubungan persahabatan antara dua negara serta jalinan kerjasama demi kepentingan rakyat.

"Tahniah kepada Presiden Anura Kumara Dissanayake dan Sri Lanka atas kejayaan pilihan raya mereka. Saya berharap dapat mengeratkan hubungan persahabatan dengan Sri Lanka tidak lama lagi serta bekerjasama demi kepentingan rakyat kita," katanya dalam Fa-

cebook, semalam.

AFP melaporkan Dissanayake yang mengangkat sumpah jawatan semalam adalah presiden pertama berhaluan kiri selepas kemenangan besar parti pimpinannya, Barisan Pembebasan Rakyat (JVP), pada pilihan raya lalu.

Dissanayake mendakwa beliau memenangi hampir 1.3 juta lebih undi berbanding pesaing terdekatnya.

Memandangkan tiada calon memperoleh lebih daripada 50 peratus undi, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengira pilihan kedua dan ketiga undian yang diterima dua calon utama, kali pertama dilakukan dalam sejarah pilihan raya presiden

Sri Lanka.

Dissanayake, 55, memperoleh 5,634,915 undi pada kiraan pertama dan 105,264 undi mengikut keutamaan semasa kiraan kedua.

Calon Parti Samagi Jana Balawegaya yang juga pesaing utamanya Sajith Premadasa memperoleh 4,363,035 undi dalam kiraan pertama dan 167,867 undi mengikut keutamaan pada kiraan kedua.

Dissanayake pernah mengetuai dua pemberontakan yang gagal sebelum ini dan menyebabkan pulUhan ribu terkorban, menerima lonjakan sokongan selepas kemelesetan ekonomi pada 2022 menyebabkan rakyatnya menderita.



Dissanayake mengangkat sumpah jawatan Presiden di hadapan Ketua Hakim, Jayantha Jayasuriya di Colombo, Sri Lanka, semalam. (Foto REUTERS)